

03 MAY 2001

Mahathir-Diplomat

DIPLOMAT MALAYSIA PATUT JALIN HUBUNGAN RAPAT DENGAN PELAJAR

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata para diplomat Malaysia patut memainkan peranan yang lebih aktif memberi penjelasan mengenai dasar-dasar kerajaan kepada pelajar Malaysia di luar negeri.

Katanya walaupun hal ehwal pelajar patut dikendalikan oleh Jabatan Penuntut Malaysia (MSD) tetapi pada masa depan, diplomat perlu menjalin hubungan rapat dengan pelajar di negara masing-masing.

"Pada masa depan mereka diperlukan menjalin hubungan rapat dengan pelajar. Memang pelajar kita tidak mudah untuk ditangani kerana ada orang lain yang datang dari Malaysia yang menghasut mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia di Seberang Laut di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata pada keseluruhannya, diplomat Malaysia telah menjalankan tugas yang baik dalam menjelaskan dasar-dasar kerajaan dan hubungan Malaysia dengan negara lain.

Perdana Menteri berkata tidak ada negara lain yang mempunyai jabatan khusus untuk menjaga hal-ehwal dan kebajikan pelajar kecuali Malaysia.

Katanya selain daripada mempunyai Jabatan Pelajar dan bilangan kakitangan yang cukup besar untuk menangani masalah dan kebajikan pelajar, tetapi kerana wujudnya hasutan daripada pihak lain, pelajar Malaysia telah berubah menentang kerajaan.

Mengenai negara yang menjadi tumpuan para diplomat untuk menjalin hubungan dengan pelajar, Dr Mahathir berkata di mana juga ada pelajar Malaysia, para diplomat perlu berhubung dengan mereka.

Terdahulu, Perdana Menteri turut mengadakan sesi dialog tertutup dengan 68 duta dan pesuruhjaya serta 18 konsul besar (jeneral) serta perwakilan Malaysia di luar negara selama tiga jam setengah.

Ketika ditanya pemberita mengenai ucapan dan sesi dialog berkenaan, Dr Mahathir berkata beliau menjelaskan mengenai dasar Malaysia sejak merdeka dan sehingga kini.

Katanya sekiranya dahulu Malaysia tidak begitu aktif dalam arena antarabangsa dan dasar negara lebih mengikuti dasar barat, tetapi kini dasar negara adalah lebih kepada dasar bebas.

"Sekarang dasar kita ialah dasar bebas dan kita berpendapat kita berhak menyokong atau mengkritik di mana perlu sebagai sebuah negara bebas," katanya.

Dr Mahathir berkata kebanyakan duta dan pesuruhjaya berkenaan ingin tahu mengenai dasar umum negara mengenai hubungan luar negara dengan negara asing.

Antaranya dasar hubungan Malaysia dengan kerajaan baru Amerika Syarikat, China dan Rusia.

Berkenaan pandangan negara luar terhadap Malaysia, Dr Mahathir berkata umumnya negara-negara membangun termasuk China menyokong dan menyanjung tinggi peranan yang dimainkan Malaysia tetapi sesetengah negara kuasa besar pula tidak begitu senang.

Sementara itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata umumnya Perdana Menteri berpuashati dengan peranan dan tugas yang dilaksanakan para diplomat negara.

Bagaimanapun, katanya kerana cabaran masa kini adalah lebih hebat, ia memerlukan para diplomat memainkan peranan yang lebih aktif untuk menerangkan dasar negara dan pendekatan Malaysia dalam soal rantau serta

antarabangsa termasuk kepada para pelajar.

Syed Hamid berkata Wisma Putra telah mengeluarkan arahan mengenainya malah maklumat yang dihantar kepada para perwakilan Malaysia di luar negara adalah yang terkini dan secara berterusan.

Katanya semasa pertemuan itu, Perdana Menteri menjelaskan tentang evolusi dasar luar Malaysia serta perkara-perkara berkaitan yang perlu diketahui para duta dan pesuruhjaya Malaysia.

Syed Hamid berkata perjumpaan itu juga memberikan peluang kepada para diplomat untuk bertanya dan mendapatkan pandangan Perdana Menteri mengenai isu semasa dan setempat di negara diplomat berkenaan ditugaskan.

Katanya Dr Mahathir turut mengingatkan para diplomat mengenai pendekatan baru dunia tanpa sempadan, globalisasi, demokrasi liberal dan bagaimana Malaysia perlu memainkan dasar yang tidak terikat atau bergantung kepada arahan negara lain dan sebaliknya membuat dasar berasaskan kepentingan negara serta negara membangun.

Persidangan lima hari itu turut meliputi pertemuan dengan beberapa kementerian utama seperti Kementerian Pendidikan, Kewangan, Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kesihatan, sektor swasta serta lawatan ke Putrajaya dan Cyberjaya.

-- BERNAMA

HS ZS RON